

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 17 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 33

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L25605
Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mewujudkan *National Health Financing* bagi memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat dan apakah cabaran yang dihadapi.
2. PR-1532-L25586
Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status dan nilai bajet penyelenggaraan jalan serta lampu jalan bagi laluan FT076 yang bermula dari bandar Gerik hingga sempadan negeri Kedah di Pengkalan Hulu.
3. PR-1532-L25986
Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah menontohkan kemiskinan tegar di Sabah terutama lapan daerah yang dikategorikan termiskin di Malaysia.
4. PR-1532-L25546
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha dan langkah Kementerian dalam menggalakkan pengeluaran Durian Musang King, Duri Hitam yang mempunyai nilai yang tinggi untuk pasaran antarabangsa kepada pekebun-pekebun persendirian. Apakah peranan yang dipertanggungjawabkan untuk dimainkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kawasan.

5. PR-1532-L25725

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa sebahagian besar pelaburan modal berkaitan Kecerdasan Buatan (A.I) di Asia Tenggara lebih bertumpu di Singapura sebanyak (AS\$8.4 bilion) dan Indonesia sebanyak (AS\$1.9 billion) berbanding Malaysia sekitar (AS\$371 juta) berdasarkan laporan East Asia Forum, dan apakah tindakan Kerajaan bagi menggalakkan pelaburan berkaitan AI di Malaysia.

6. PR-1532-L25770

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jika ada pelan bagi menaik taraf balapan di Stadium Muar yang rosak kerana terkesan dengan pembinaan hab anak muda kerana ia merupakan satu-satunya balapan di daerah Muar dan digunakan sebelum pembinaan.

7. PR-1532-L25846

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan menilai semula dan memperkasa Pesuruhjaya Bangunan, menjadi jabatan dari hanya unit/bahagian khususnya bagi PBT dalam kawasan bandar serta dari sudut fungsi, peruntukan dan sumber manusia demi pengawalseliaan, penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama hartanah berstrata lebih berkesan.

8. PR-1532-L25712

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian melibatkan urusan pengendalian lebuh raya dan apakah jenis penyelenggaraan jalan dan berapa jumlah peruntukan yang terlibat untuk menyelenggara Lebuh Raya Pan-Borneo setelah siap projek ini nanti.

9. PR-1532-L24472

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kaedah dan pencapaian Kerajaan melalui MyHeart dalam usaha membawa balik lebih ramai diaspora dan pekerja berkemahiran bagi menangani isu penghijrahan bakat.

10. PR-1532-L25093

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah proaktif dan inisiatif yang telah dirangka oleh Kementerian dalam mengatasi trend obesiti dalam kalangan golongan dewasa yang telah meningkat kepada 54.4% pada tahun 2023 daripada 44.5% pada tahun 2011 berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023.

11. PR-1532-L25274

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam mengatasi masalah kemiskinan tegar di kalangan kanak-kanak yang menetap di rumah PPR seperti yang dilaporkan dalam kajian *Living on The Edge* oleh UNICEF.

12. PR-1532-L25594

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :

- (a) jumlah peruntukan dan senarai projek yang lulus bagi tahun 2024 bagi kerja-kerja naik taraf/baik pulih jalan perhubungan desa, ameniti sosial dan memasang lampu jalan solar di kawasan Parlimen Lumut; dan
- (b) berapa projek yang telah dan sedang dilaksanakan.

13. PR-1532-L25676

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penambahbaikan yang telah dilakukan untuk Mahkamah Perusahaan dan sama ada terdapat perancangan untuk membuat pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) dan peraturannya bagi tujuan ini.

14. PR-1532-L25810

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah dan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang akan dilakukan bagi mengatasi masalah kekurangan hasil tangkapan yang menjelaskan pendapatan nelayan khususnya di kawasan Melaka Selatan berpunca daripada aktiviti penambakan pantai dan pengorekan pasir.

15. PR-1532-L24878

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keadaan flat kos rendah:

- (a) jumlah flat kos rendah yang belum beralih dari sistem meter air pukal ke meter individu. Nyatakan langkah-langkah Kementerian untuk membantu proses peralihan ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah untuk memastikan penyelanggaran flat kos rendah adalah *self-sustainable* pada masa depan.

16. PR-1532-L25976

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Orang Asli di Gua Musang bagi memastikan masyarakat Orang Asli Gua Musang mendapat pendedahan dan pengetahuan teknikal seterusnya mengubah taraf sosioekonomi mereka.

17. PR-1532-L24439

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memastikan tenaga kerja pada masa hadapan mempunyai kemahiran yang relevan mengikut keperluan industri.

18. PR-1532-L25235

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peruntukan segera terhadap kerja-kerja pembaikan jalan Persekutuan yang membahayakan pengguna jalan raya terutamanya waktu malam dan hujan di jalan-jalan berikut:

- (a) Jalan Kuala Terengganu - Kuantan, FT03 di Bandar Paka dan Selekok Pinang Merah ; dan
- (b) Jalan Jerangau - Jabor, FT14 di kawasan Bukit Besi dan Jerangau.

19. PR-1532-L25696

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan strategi Kerajaan untuk menarik pelaburan dalam reka bentuk I.C, *advanced packaging* dan *wafer fabrication* seperti yang dinyatakan dalam Strategi Semikonduktor Kebangsaan Malaysia (NSS).

20. PR-1532-L25751

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) kemanakah hilangnya beras putih tempatan sejak beberapa bulan yang lalu sedangkan pesawah terus menanam padi. Sepatutnya 1.1 juta MT beras tempatan yang dihasilkan setahun masih berada dalam pasaran; dan
- (b) berapa kuantiti beras tempatan dalam Metrik Tan yang berada dalam pasaran masa kini.

21. PR-1532-L25915

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan sistem e-Wages yang telah ditangguhkan bagi membolehkan memantau dan menguatkuasakan pembayaran gaji pekerja bermula dengan pekerja asing.

22. PR-1532-L24825

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) kegunaan Pangkalan Data Utama (PADU) yang sebenar; dan
- (b) kepentingan PADU dalam jangka masa pendek dan panjang kepada negara terutamanya daripada sudut keselamatan data dan dasar data terbuka.

23. PR-1532-L25508

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan komitmen serta rancangan Kementerian untuk memperbaiki infrastruktur di kawasan luar bandar, termasuk jalan raya, bekalan air dan elektrik bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar terutamanya di kawasan Parlimen Sri Aman.

24. PR-1532-L25702

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan rancangan, bantuan, subsidi serta insentif jangka pendek dan jangka panjang bagi penternak ayam, penternak lembu, penternak khinzir, nelayan, dan petani di Sarawak sejak 6 tahun yang lalu dan untuk masa hadapan.

25. PR-1532-L25832

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan melaksanakan kajian penilaian kesesuaian tanah di Wilayah Sabah khususnya di Tenom bagi tujuan pelaksanaan Program Pembangunan Tanaman Bawang bagi memastikan ianya berupaya menampung permintaan terhadap bahan mentah itu pada peringkat domestik.

26. PR-1532-L25978

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Gua Musang memandangkan daerah Gua Musang adalah antara pengeluar hasil pertanian yang tertinggi negeri Kelantan.

27. PR-1532-L(5)00244

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Rancangan Malaysia Ke-12 telah memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi pembangunan System National Suicide and Fatal Injury Registry (NSFIRM) dengan statistik terperinci dan nyatakan perkembangan dengan butiran terperinci mengenai sistem ini serta data terkini kes bunuh diri.

28. PR-1532-L25663

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) status terkini projek-projek perumahan terbengkalai yang telah dikenal pasti mengikut negeri, serta apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian ; dan
- (b) tindakan proaktif yang diambil Kementerian berhubung lambakan rumah kediaman yang siap dibina, namun masih tidak terjual.

29. PR-1532-L25944

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi implementasi program, projek dan sebagainya dalam menggalakkan belia-belia untuk menyertai industri pertanian.

30. PR-1532-L25705

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kelewatan dalam menyiapkan projek Central Spine Road (CSR) ; dan
- (b) berapa jumlah pemaju yang ditamatkan akibat kegagalan pemaju menyiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

31. PR-1532-L24474

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tahap pemakaian teknologi dron dalam industri pertanian dan apakah rancangan Kementerian untuk memaksimumkan pemakaian dan keberkesannya.

32. PR-1532-L25541

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengenai status pembekalan minyak diesel bersubsidi nelayan khususnya bagi vesel zon C yang jelas berlakunya ketirisan.

33. PR-1532-L25312

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) data yang terkini mengenai kadar kemiskinan tegar di Sabah; dan
- (b) program dan inisiatif yang dibuat bagi menoktahkan kemiskinan tegar di Sabah pada bulan Julai ini.

34. PR-1532-L25665

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penjelasan tentang program akar umbi sepak takraw memandangkan skuad senior yang ada pada hari ini masih belum mampu menumbangkan Thailand dalam acara berpasukan Kejohanan Sepak Takraw ISTAF baru-baru ini.

35. PR-1532-L25839

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Kemabong dan membina Klinik Kesihatan Pangi serta menaik taraf Hospital Tenom yang sudah usang dengan infrastruktur, fasiliti, peralatan dan penambahan katil baharu agar ianya selaras dengan Pelan Induk Fasiliti Kesihatan Negeri Sabah.

36. PR-1532-L25747

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian akan mengambil perhatian tentang penukaran tanaman makanan (padi) kepada tanaman komersial (sawit); dan
- (b) adakah Kementerian akan membenarkan penukaran status tanah seperti yang berlaku secara tidak mengikut undang-undang.

37. PR-1532-L25627

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan strategi atau inisiatif untuk memastikan pemain industri ekonomi digital negara boleh dibantu untuk berkembang ke peringkat global, demi memastikan ia selari dengan pengembangan pasaran global yang membawa kepada penjanaan pendapatan, pewujudan bakat, inovasi, pemupukan daya saing dan meningkatkan lebih perdagangan dan pengaruh global.

38. PR-1532-L25779

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah kesesakan tempat parkir di kawasan perumahan berstrata di seluruh negara.

39. PR-1532-L25732

Dato' Haji Shamshukahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI) yang berpunca daripada vaksin COVID-19 dan berapa kes AEFI yang direkodkan sejak program imunisasi kebangsaan COVID-19 dimulakan.

40. PR-1532-L(5)00245

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) ditubuhkan bagi menyegerakan perkhidmatan kepada rakyat. STAR telah berjaya mengurangkan kesesakan serta tempoh menunggu pesakit di HTAR. Bilakah STAR akan diwujudkan di HSAH memandangkan krisis kesesakan bilik rawatan dan wad semakin meruncing.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

41. PR-1532-L24457

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor kontrak yang diambil dari tahun 2016 hingga Mac 2024 dan jumlah doktor kontrak yang ditawarkan skim tetap dalam tempoh tersebut serta langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini memandangkan kita masih kekurangan doktor.

42. PR-1532-L25052

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan aduan kerosakan jalan raya yang telah diterima dan diselesaikan menerusi aplikasi MYJalan semenjak diperkenalkan. Status kemajuan dasar *zero potholes* dalam memastikan setiap kerja penampalan jalan dilaksanakan dengan lancar berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya.

43. PR-1532-L25186

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah masalah teknikal menyebabkan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) tidak mengiktiraf kelayakan Kolej Pakar Bedah Edinburgh dalam Pembedahan Kardiotoraks (FRCS-Ed). Mengapa MMC tiba-tiba berhenti mengiktiraf kelayakan FRCS-Ed yang masih tersenarai dalam Daftar Pakar Kebangsaan (NSR), sedangkan kelayakan FRCS-Ed, FRCS-Eng, FRCS-Glasg pernah diiktiraf sebelum ini.

44. PR-1532-L24706

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian telah melaksanakan kajian bagi memperkenalkan semula program Skim Perubatan MADANI (SPM) khususnya di kawasan luar bandar.

45. PR-1532-L24438

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penggunaan sistem UP_TVET yang telah dilaksanakan penggunaannya secara rintis pada Oktober 2023 bagi tujuan pengambilan pelajar bagi sektor pendidikan TVET.

46. PR-1532-L25270

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah untuk menaik taraf premis milik MARA bagi menjadikan ia sebagai *hotspot* perniagaan Bumiputera supaya dapat meningkatkan jualan dan pendapatan pengusaha.

47. PR-1532-L25606

Tuan Suhaihan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mewujudkan digital hospital di seluruh negara dan apakah cabaran-cabaran yang dihadapi.

48. PR-1532-L25726

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah diambil Kementerian dalam memastikan keberadaan beras putih tempatan yang sehingga kini masih sukar diperoleh pengguna berbanding sebelum tahun 2023.

49. PR-1532-L25815

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif Kerajaan terkini yang dalam perancangan pihak kementerian dalam menggunakan sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

50. PR-1532-L25869

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci Pelan-pelan Skim Pinjaman Baharu bagi program TEGUH KPKT.

51. PR-1532-L25988

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status semasa data kemiskinan Sabah yang dilaporkan Kementerian Ekonomi pada Mac yang tidak dikemas kini menurut Kerajaan Negeri Sabah.

52. PR-1532-L25851

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status cadangan membina jalan pintasan baharu dari Gemas Baharu (FT001) ke Felda Palong Timur 1, Segamat, Johor.

53. PR-1532-L25914

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kementerian telah meluluskan pemberian kebenaran bekerja untuk pelarian dan memastikan kebenaran itu tidak akan menyebabkan persaingan dengan rakyat Malaysia khususnya.

54. PR-1532-L25816

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status projek pembinaan loji Waste To Energy (WTE) di Pusat Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang Melaka yang sepatutnya dibina pada tahun 2023 dan dijangka siap pada tahun 2026.

55. PR-1532-L25794

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini pengambilan pekerja asing sama ada di sektor perburuhan mahupun sektor pakar.

56. PR-1532-L25583

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada perancangan pihak Kementerian untuk mengambil alih semula kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya di Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diserahkan secara konsesi kepada syarikat Lintasan Resources Sdn Bhd.

57. PR-1532-L25632

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perbezaan sistem BUDI MADANI dan sistem PADU. Tidakkah sistem ini bertindih dengan sistem PADU memandangkan kedua-dua sistem memerlukan dan menyimpan data yang hampir sama.

58. PR-1532-L24620

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyediakan pakej kesihatan kepada para pelajar yang bersukan secara aktif bagi perlindungan sekiranya berlaku kecederaan sukan.

59. PR-1532-L25992

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah pendaftaran penuh PADU dan mengapa data PADU tidak digunakan bagi permohonan subsidi bersasar diesel.

60. PR-1532-L25251

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status semasa masalah amalan buruh paksa di dalam negara dan sektor-sektor yang terlibat serta inisiatif Kementerian bagi menangani masalah tersebut supaya negara dapat mencapai sasaran sifar buruh paksa menjelang tahun 2030.

61. PR-1532-L25813

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pencapaian terkini berkaitan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan apakah perancangan pihak kerajaan dalam meluaskan lagi inisiatif ini.

62. PR-1532-L24577

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status terkini pendaftaran program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) serta berapa jumlah peserta yang telah berjaya mencapai sasaran Kementerian untuk keluar dari garis kemiskinan tegar.

63. PR-1532-L25694

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keperluan untuk menaik taraf Jalan FT077 dari bandar Pengkalan Hulu menuju ke Kompleks ICQS Bukit Berapit memandangkan jalan ini adalah penghubung utama Malaysia ke Thailand. Keadaan jalan di negara jiran telah dinaik taraf menjadi 4 lorong.

64. PR-1532-L25898

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kerangka Akta Sumber Manusia yang baru untuk memenuhi keperluan masa kini dan juga memberikan lebih perlindungan kepada pekerja seperti perkerja dalam sektor GIG.

65. PR-1532-L25708

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) apakah perancangan Kementerian dalam mengembangkan lembu pedaging berkualiti dan bernilai pasaran yang tinggi seperti Wagyu dan lain-lain; dan
- (b) apakah ada insentif yang disediakan oleh Kementerian dan bagaimana ianya boleh dimanfaatkan secara langsung oleh penternak.

66. PR-1532-L24664

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status semasa permohonan pembinaan jejantas di Kampung Deraka pada laluan persekutuan FT183 Jalan Padang Lalang-Tanjung Lumpur-Kampung Baru, Kuantan.

67. PR-1532-L25051

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah strategi jangka masa panjang dan inovasi Kementerian dalam melaksanakan usaha reformasi dan transformasi terhadap sektor agromakanan bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import makanan yang tinggi khususnya melibatkan ayam dan padi.

68. PR-1532-L25582

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah ada perancangan bagi mengkaji semula atau menambah baik Akta 44, Akta Persatuan Nelayan 1971 (sebagaimana pada 1 Disember 2011) yang sudah tidak relevan untuk diguna pakai dengan mengambil kira keadaan semasa kehidupan nelayan.

69. PR-1532-L24708

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) statistik rakyat Malaysia yang mengalami bantut dan obesiti dari tahun 2013 hingga 2023 dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa; dan
- (b) kesediaan Kementerian untuk menyemak semula keberkesanan program-program untuk mengatasi isu bantut dan obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia.

70. PR-1532-L25411

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian untuk mengatasi masalah miskin tegar di Kota Marudu dan sejak Kerajaan MADANI memerintah serta berapa peruntukan yang telah diberikan untuk Kota Marudu.

71. PR-1532-L25897

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk menangani wabak demam campak di negara ini dan adakah pihak KKM berhasrat menambah vaksin MMR di dalam program EPI kebangsaan untuk semua kanak-kanak di Malaysia, tanpa mengira status dokumentasi mereka.

72. PR-1532-L25911

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kerjasama yang akan dijalankan dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi mencapai hasrat NIMP 2030. Apakah 5 kepekaran utama yang diperlukan untuk graduan baharu supaya memenuhi permintaan pasaran kerja.

73. PR-1532-L24640

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan senarai syarikat-syarikat Malaysia yang dikenakan sekatan oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Kesan sekatan ini terhadap eksport negara.

74. PR-1532-L25860

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian dalam menyediakan vaksinasi secara percuma bagi penyakit-penyakit berjangkit seperti Measles dan lain-lain kepada semua bukan warganegara yang berada di negeri Sabah. Ini adalah untuk mengelakkan jangkitan kepada warga tempatan.

75. PR-1532-L25923

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menaik taraf Jalan Gopeng-Kampar-Tapah dari dua lorong ke empat lorong.

76. PR-1532-L25652

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menyediakan subsidi bagi penjagaan kesihatan mental serta membina lebih banyak Pusat Kesihatan Mental Komuniti, dan nyatakan jumlah terkini kaunselor, ahli psikologi klinikal dan psikiatri dan perancangan untuk melatih lebih ramai profesional di bidang psikologi dan psikiatri.

77. PR-1532-L24856

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) mengapa gaji kakitangan awam tidak bermula dengan gaji minimum pada kadar RM1500 khususnya membabitkan anggota pasukan beruniform seperti Jabatan Penjara; dan
- (b) usaha Kerajaan untuk meningkatkan gaji minimum bagi sektor swasta pada kadar RM1500.

78. PR-1532-L25845

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan untuk menambah baik pengurusan protokol rawatan dan kebajikan buat pesakit Hemofilia kanak-kanak dengan komplikasi inhibitor memandangkan rawatan sedia ada berasaskan pekatan faktor tidak berkesan dan kos prosedur "*Immune Tolerance Induction*" (ITI) untuk membetulkan semula daya penerimaan pekatan faktor terlalu tinggi.

79. PR-1532-L25933

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah pihak Kementerian dapat memulakan kerja awal pembinaan MRSM di Lawas.

80. PR-1532-L25690

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyediakan rangka kerja untuk membantu pengeksport Malaysia yang mengeksport ke EU supaya mematuhi Mekanisme Penyesuaian Sempadan Karbon (CBAM) EU.

81. PR-1532-L25616

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini Kompleks Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kajang yang tertangguh dan punca kelewatan pembinaan kompleks tersebut yang sepatutnya siap pada tahun 2021.

82. PR-1532-L25800

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pakar Kardiotorasik yang ada di Hospital Kerajaan sehingga 30 Mei 2024 dan berapa kekurangan pakar yang diperlukan.

83. PR-1532-L25741

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memperkasakan sektor sumber manusia di KKM dan bagaimana mengatasi kekurangan doktor, jururawat dan pekerja kesihatan di sektor awam negara kita.

84. PR-1532-L25502

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) apakah strategi Kerajaan bagi memastikan rakyat mempunyai simpanan tinggi, hutang isi rumah rendah dan mempunyai peluang ekonomi tambahan; dan

- (b) apakah status projek rintis pelaksanaan Model Gaji Progresif yang dibentangkan Kerajaan tempoh hari.
85. PR-1532-L25729
Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :
- (a) adakah Kementerian bercadang memperkenalkan peraturan yang lebih ketat dalam pemasaran, penajaan, pengiklanan dan pembungkusan produk tembakau, nikotin dan berperisa; dan
- (b) meningkatkan advokasi dan kempen kesedaran bagi tujuan ini untuk menangani '*deceptive messaging*' dan mengehadkan jualan produk ini di premis institusi pendidikan.
86. PR-1532-L25656
Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :
- (a) rancangan dasar Kerajaan untuk penambahbaikan protokol rawatan dan profilaksis pesakit Hemofilia (PwH) memandangkan rawatan sedia ada seperti *on-demand factor replacement* dan *factor concentrate prophylaxis* akan meningkatkan kos pengurusan rawatan serta menganggu kehidupan sehari-hari pesakit; dan
- (b) nyatakan sekiranya ada peruntukan lebihan penambahbaikan protokol rawatan.
87. PR-1532-L25805
Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah pesakit yang datang ke Pusat Kecemasan di hospital Kerajaan mengikut warganegara dan jenis penyakit mengikut tahun dan berapa lama purata masa menunggu bagi setiap pesakit yang datang.
88. PR-1532-L25793
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kementerian bagi melindungi pemandu-pemandu e-hailing seperti grab yang mana mereka ini turut berdepan dengan risiko kemalangan nyawa ketika bekerja.

89. PR-1532-L25997

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bolehkah Kerajaan MADANI memberi subsidi atau geran kepada pempamer dan peserta daripada Sabah Sarawak yang mempamerkan di MAHA 2024 untuk membantu mereka menampung sebahagian kos-kos penerbangan dan penghantaran barang melalui penerbangan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih banyak dari Sabah Sarawak dan menjadikan MAHA 2024 sebagai satu-satu acara yang betul-betul nasional.

90. PR-1532-L25440

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah laporan Kerajaan terhadap hasil keputusan Mesyuarat NACCOL pada 23 Februari 2024 dalam menyelesaikan isu harga belian padi, bekalan beras negara, harga beras import dunia, kemampuan bekalan beras tempatan serta kesan kepada pengguna.

91. PR-1532-L25680

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap BRICS bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Amerika Syarikat dan Eropah.

92. PR-1532-L25753

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu syarikat swasta culas ambil lulusan TVET. Berdasarkan kepada kajian Persekutuan Majikan-majikan (MEF) hanya 39.6% peratus majikan mengambil lulusan TVET sebagai tenaga kerja mereka.

93. PR-1532-L25326

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status siasatan berkaitan tindakan sekatan dikenakan terhadap Jatronics Sdn Bhd oleh Amerikat Syarikat dan apakah tindakan susulan Kerajaan.

94. PR-1532-L25485

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) pecahan terkini bilangan isi rumah miskin tegar mengikut negeri dan kaum sehingga Jun 2024; dan

- (b) sejauh manakah sasaran menoktahkan kemiskinan tegar telah dicapai mengikut negeri serta mekanisme kayu ukur yang diguna pakai bagi tujuan tersebut.
95. PR-1532-L25362
Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :
- (a) berapa jumlah lesen dikeluarkan terhadap syarikat pinjaman berlesen bagi tahun bermula 2020 - 2024 dan jumlah syarikat yang beroperasi sehingga kini; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan bagi mengawal syarikat yang mengenakan faedah terlalu tinggi kepada peminjam sehingga membebankan untuk pembayaran semula.
96. PR-1532-L25386
Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan usaha yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memastikan keberkesanan program latihan TVET yang ditawarkan oleh 220 syarikat China kepada pelajar Malaysia dan bagaimana program ini akan memberi manfaat kepada industri tempatan.
97. PR-1532-L25132
Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah insentif bantuan bahan api diesel kepada para petani yang tidak cukup kelayakan untuk menerima bantuan subsidi diesel iaitu hasil jualan pertanian tahunan antara RM50,000 dan RM300,000.
98. PR-1532-L24475
Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan terkini Kerajaan berhubung pembangunan Zon Kewangan Khas (SFZ) dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) serta garis masa pelaksanaannya.
99. PR-1532-L24721
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci manfaat pelaburan yang tergolong dalam Foreign Direct Investment (FDI) negara melalui saluran sektor digital.

100. PR-1532-L24847

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung pelaksanaan projek Lebuh Raya Utara Selatan iaitu dari Tol Juru hingga Tol Sungai Dua yang begitu mendesak kini diluluskan. Jika ya, apakah perkembangannya.

101. PR-1532-L24777

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jaminan kuota penambahan 30% ahli dalam Majlis Perubatan Malaysia (MPM) yang kini hanya seorang wakil Sabah Sarawak daripada 33 ahli merujuk akta perubatan 1971 bagi memastikan wilayah Sabah Sarawak tidak ketinggalan dalam isu kesihatan.

102. PR-1532-L25155

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah bekalan elektrik akan disalurkan ke Kg Toporoh, Kg Bitoon, Kg Paus/Pakalon, Kg Wakaku, Kg Walou, Kg Penulangon, Kg Tinanom, Kg Kigiwit serta ke Kg Tinindoi Ulu Sugut, Kg Tundangon Ulu Sugut, Kg Agan, Kg Gusi, Kg Giring Ulu Sugut, Kg Patau/Pupuan Ulu Sugut.

103. PR-1532-L25059

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah sesi libat urus mengenai penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig telah dilaksanakan dan apakah syor laporan interim yang sedang dipertimbangkan dalam penubuhan Suruhanjaya ini kelak.

104. PR-1532-L25217

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing dalam negara mengikut pecahan bidang dan apakah langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam semua sektor perusahaan dalam negara.

105. PR-1532-L24551

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan komprehensif bagi menyelesaikan permasalahan tanah jerlus yang menghantui para pesawah.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Sumber Manusia**

- * Rang Undang-Undang Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2024.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.31/2024) Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"** (16 Julai 2024)

[Menteri Kesihatan]

2. (D.R.33/2024) Rang Undang-Undang Kastam (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

3. (D.R.34/2024) Rang Undang-Undang Eksais (Pindaan) 2024. “

[Menteri Kewangan]

4. (D.R.35/2024) Rang Undang-Undang Zon Bebas (Pindaan) 2024. “

[Menteri Kewangan]

5. (D.R.36/2024) Rang Undang-Undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024. “

[Menteri Kewangan]

6. (D.R.37/2024) Rang Undang-Undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024. “

[Menteri Kewangan]

7. (D.R.40/2024) Rang Undang-Undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024. “

[Menteri Pengangkutan]

8. (D.R.41/2024) Rang Undang-Undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024. “

[Menteri Pengangkutan]

9. (D.R.17/2024) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (9 Julai 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

10. (D.R.13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (27 Mac 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

11. (D.R.32/2024) Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kesihatan]

12. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. “

[Perdana Menteri]

13. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

14. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

15. PR-1532-U(27)328
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhan perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

16. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

17. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengkekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadu dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaiannya biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

19. PR-1532-U(27)323

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

20. PR-1532-U(27)324

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

21. PR-1532-U(27)325

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

23. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

24. PR-1532-U(27)332

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

25. PR-1532-U(27)333

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia - Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

26. PR-1532-U(27)334

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

27. PR-1532-U(27)335

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa sumbangan industri Sabah kepada GDP masih lagi dibawah 10%. Dan Menerima hakikat bahawa kemudahan logistik dan utiliti seperti bekalan air dan bekalan elektrik menjadi penghalang utama kepada pelabur untuk datang ke Sabah. Dan menerima hakikat kerajaan telah menujuhkan Taman-Taman Perindustrian sebagai destinasi pelaburan.

Menerima hakikat juga bahawa begitu ramai anak-anak Sabah yang terpaksa berhijrah ke tempat lain seperti Semenanjung untuk mencari pekerjaan. Dan menerima hakikat pada keseluruhannya, Sabah ini adalah jauh ke belakang dalam pembangunan berbanding dengan belia Semenanjung. Ia termasuklah dalam hal-hal pencapaian peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dan mengambil tanggungjawab bahawa kesenjangan di antara Semenanjung dan wilayah Sabah ini perlu ditangani segera untuk memastikan integriti negara kita dan juga memastikan kelangsungan kestabilan politik, maka dewan yang mulia ini ditangguh untuk membahaskan perkara yang sangat penting ini bertujuan memastikan agar kesenjangan pembangunan ini dapat dirapatkan."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

28. PR-1532-U(27)336

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat kos sara hidup meningkat, serta kos bahan api (minyak) pengangkutan menaik. Menerima hakikat kesesakan jalan raya semakin bertambah di Sabah. Dan menerima hakikat juga sistem pengangkutan awam di Sabah masih mahal.

Maka (Tuaran) meminta kerajaan supaya mengadakan pelan tindakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam yang selamat, efisien, berdaya harap dengan kos yang tidak membebankan di Sabah."

[Menteri Pengangkutan]

29. PR-1532-U(27)337

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa hal air di Semenanjung adalah di bawah Suruhanjaya Perkhimatan Air Negara (SPAN), yang menerima peruntukan secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan. Menerima hakikat bahawa Sabah tidak menerima peruntukan bekalan air dari Persekutuan dengan alasan bahawa Sabah tidak termasuk dalam SPAN.

Menerima hakikat bahawa "Reserve Margin" bekalan air di Sabah adalah dibawah paras negatif. Dan menerima hakikat purata non revenue water di Sabah adalah atas 60%, dan hal ehwal air ini adalah hal negeri di bawah kelolaan Kerajaan Sabah. Dan menerima hakikat juga bahawa langkah-langkah untuk menurunkan NRW dan meningkatkan kapasiti loji-loji rawatan adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Maka, (Tuaran) mencadangkan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik bagi membantu Kerajaan Sabah untuk menangani masalah bekalan air di Sabah secara tuntas dengan memberi peruntukan secara geran yang mencukupi."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

30. PR-1532-U(27)338

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa perkahwinan di antara orang tempatan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai dokumen berleluasa di Sabah. Dan menerima hakikat bahawa perkahwinan ini telah menyebabkan kelahiran anak-anak yang tidak mempunyai dokumen yang akhirnya menjadi "stateless".

Menyedari hakikat bahawa golongan "stateless" ini tidak dapat memasuki sistem pendidikan menyebabkan mereka membesar tanpa pendidikan. Menerima hakikat bahawa ini menjadi bebanan kepada rakyat Sabah dan Kerajaan.

Maka (Tuaran) meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan pelan tindakan untuk mengatasi masalah ini sehingga mempunyai penyelesaian tuntas."

[Menteri Dalam Negeri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 10	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Bagi Tahun 2023	17 Julai 2024
CMD. 11	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bagi Tahun 2023	17 Julai 2024
ST. 114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Bagi Tahun 2022	17 Julai 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan (Sri Gading)	1. Laporan Bank Dunia Berkenaan Taraf Pendidikan di Malaysia 2. Projek Jalan Pintas Kampung Rahmat ke Tanjung Laboh	1. YB Menteri Pendidikan 2. YB Menteri Kerja Raya
YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)	1. Masalah Bekalan Air dan Air Tidak Terhasil di Rantau Panjang dan Seluruh Kelantan 2. Pembinaan Jejambat antara Kampung Chicha Tinggi dan Kampung Pulai Merentasi Jalan Kereta Api	1. YB Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air 2. YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**